


3. Letakkan skuter anda dengan tongkat tengah pada permukaan yang kukuh dan rata.
4. Letakkan bekas takungan di bawah bolt pengaliran dan palam minyak.
5. Tanggalkan penutup minyak pelincir/pengukur, bolt pengaliran dan pelapik meterai untuk mengalirkan minyak enjin.
6. Tanggalkan palam minyak, gelang-O, spring dan skrin penapis minyak serta biarkan minyak yang tertinggal mengalir sampai habis.
► Buangkan minyak di pusat kitar semula yang bertauliah.
7. Bersihkan skrin penapis minyak.
8. Periksa bahawa skrin penapis minyak dan getah pendedap berada dalam keadaan baik.
9. Gantikan gelang-O dan sapukan lapisan nipis minyak enjin ke gelang-O baharu sebelum memasangnya.
10. Pasang skrin penapis minyak, spring dan palam minyak serta ketatkannya.

Tork: 20 N·m (2.0 kgf·m, 15 lbf·ft)

Pelapik meterai



Bolt pengaliran

